

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA Debit Card-i ("debit card-i"). Be sure to also read the Universal Terms and Conditions at HSBC Amanah website www.hsbcamanah.com.my

HSBC Amanah Malaysia Berhad

- HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA Debit Card-i

1. What is this product about?

Upon the Parent's application, a PIN-enabled Visa debit card-i with transaction restrictions is issued to the Child of a HSBC Amanah Premier customer aged between 12 and 17 years. The debit card-i is linked to the HSBC Amanah Premier Junior Savers Account-i ("Junior Savers Account-i") and will be cancelled if:

- The Junior Savers Account-i is closed.
- The Parent's HSBC Amanah Premier Account-i is closed.
- Before the Child reaches 18 years old, the Parent may close the Junior Savers Account-i without Child's presence. Upon the Child attaining the age of 18 years old, the Parent and Child are both required to close and withdraw all funds in the Junior Savers Account-i in person. Subsequently, the Child can choose to open a new Premier Account-i with the Bank in his/her sole name or joint name with the Parent provided the eligibility criteria is met; and/or
- If the Junior Savers Account-i is still not closed when the Child has reached the age of 24 years, the Bank has the right to close the Junior Savers Account-i and terminate the debit card-i. In such an event, the monies will be transferred to the Parent's active sole Premier Account-i maintained with the Bank and if there is no such active account, the monies will be forwarded to the Parent as the trustee.

2. What is the Shariah concept applicable?

HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA Debit card-i is based on providing services to cardholders for fees (Ujrah). The fees are fixed and payable as listed in Item 5 below.

3. What access do children have (unless set otherwise by the Parent)?

- Automated Teller Machines ("ATM") cash withdrawal of up to RM250 daily (default limit) domestically via HSBC ATMs and MEPS, as well as internationally VISA Network subject to conversion at the prevailing exchange rate as determined by VISA International, in addition to applicable fees and charge. For overseas ATM withdrawal, Parent must ensure that the overseas transaction function is activated.
- Point-of-Sales("POS") transaction (including online purchases) of up to RM250 daily at VISA and MyDebit merchants.
- Visa PayWave/MyDebit Contactless Acceptance to make payments up to RM250 daily with just a tap.
- MyDebit Cash Out and VISA Cash Out transaction of up to RM250 daily to withdraw cash domestically at the participating merchants' POS terminals when making payments for purchases.
- Monthly E-statement available via email subscription, upon request and authorization by the Parent.
- SMS transaction alerts, upon request and authorization by the Parent.

4. What controls do Parent have?

- Set the "Daily Purchase Limit", "Contactless Limit" and "ATM Cash Withdrawal Limit" by visiting any HSBC Bank/HSBC Amanah branch and/or contacting HSBC Call Centre.
- A Card-Not-Present ("CNP") transaction is a card payment transaction made where the cardholder is not physically present (non-face-to-face) at the merchant when the payment is made. This includes CNP non-3D secured online purchase transactions standing instructions, mail order and telephone order.
- The debit card-i is disabled by default from making any CNP non-3D secured transactions as well as overseas transaction to mitigate higher risk of fraud.



- Parent may visit any HSBC Bank/HSBC Amanah branch or contact HSBC Call Centre;
 - (a) to enable CNP non-3D secured transaction which are not toll related; and/or
 - (b) to enable overseas transaction; and/or
 - (c) subsequently disable either or both type of transactions.
- CNP function is automatically enabled for toll-related transactions on your debit card-i and there is no option to be disabled. When you tap Parent/Child tap at the toll, the toll fares will be directly deducted from the Junior Savers Account-i linked to the debit card-i. The Parent/ Child should ensure that there are sufficient funds in the account before making toll payments. The Bank reserves the right to debit the Junior Savers Account-i directly without prior notice for toll payment if the cardholder manages to pass through the toll successfully but the toll payment is not successfully charged on the same day due to insufficient funds in the Junior Savers Account-i, system outages, technical issues and/or whatsoever reasons, and this may result in a discrepancy between the toll charge date and time versus the actual transaction date and time.
- SMS transaction alerts will be sent to the Parent's mobile number for every transaction in the debit card-i. For avoidance of doubt, SMS transaction alerts will be sent to the primary mobile number maintained with the Bank and it is to be decided by the Parent to put either his/her own or Child's mobile number.
- Online and/or ATM fund transfer such as JomPAY, Interbank Giro ("IBG"), instant transfer and DuitNow, is prohibited.

5. What are the applicable fees and charges?

Descriptions	HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA Debit Card-i
Issuance Fee	Waived
Annual Fee	Waived
Replacement Fee of Loss/Stolen (waived if provided with Police Report)	Waived
Cash Withdrawal within HSBC Malaysia ATM Network	Waived
Cash Withdrawal at Overseas HSBC ATM	Waived
Cash Withdrawal at VISA Network	RM10 per successful transaction
Cash Withdrawal at MEPS Shared ATM Network	First 3 successful transactions each month are waived. Subsequent transaction at RM1 per successful transaction.
Conversion for Overseas Transaction	<p>Visa Transactions carried out in a currency other than MYR, such amount shall be converted to MYR at the exchange rate determined by Visa International on the date of conversion in addition to foreign currency conversion fee of 1% as well as any transaction fee charged by Visa International. The transaction will be declined if there is insufficient fund in the MYR credit balances.</p> <p>MyDebit Transactions carried out in a currency other than MYR are settled in MYR and subject to conversion at the prevailing exchange rate determined by Paynet on the date of conversion. No other fees will be charged by PayNet. Transaction amount to be debited directly from customer's MYR account. The transaction will be declined if there is insufficient fund in the MYR credit balances.</p>
Sales Draft Retrieval Fee (waived if chargeback is successful)	RM20
MyDebit Cash Out Transaction Fee	RM0.50 per transaction
VISA Cash Out Transaction Fee	RM1.50 per transaction

ATM Operator Fees may be incurred at HSBC and apply for use of non-HSBC ATMs.

Fees and charges above shall be subject to applicable tax, if any.

6. What are the key terms and conditions?

Card Authorization

- Some merchants (usually car rentals or hotels) may check that there are sufficient funds in the Junior Savers Account-i by sending an authorization request to the Bank. Upon approval, part of the Junior Savers Account-i balance may be temporary held for charges which may be incurred using debit card-i until the transaction is concluded for tabulation of finalized payment.
- For Automated Fuel Dispenser ("AFD") transactions for petrol purchases, there will be pre-authorization hold on your debit card-i as follows:
 - For domestic transactions performed, a pre-authorization amount of RM200 will be held in Junior Savers Account-i using your Debit Card-i at AFDs. The pre-authorization amount will be released and actual transaction amount will be debited from the Junior Savers Account-i within 3 working days after the transaction date. The block shall be held for T+3 working days with "T" being the transaction day.
 - For overseas transactions performed, the actual transaction amount will be converted to MYR and debited from the Junior Savers Account-i within 14 working days after the transaction date. The block shall be held for T+14 working days with "T" being the transaction day.

Transaction alerts

- By default, transaction alerts will be sent via SMS to the mobile number maintained in our records for every purchase transaction made on the debit card-i (default minimum amount is RM0.01) and cash withdrawals at overseas ATMs (only applicable for Malaysia registered mobile number).
- You can perform any of the following by visiting HSBC Bank/HSBC Amanah branch or contact HSBC Call Centre:
 - (a) select your preferred channel to receive the transaction alerts via;
 - (i) SMS; or
 - (ii) Email; or
 - (iii) both SMS and Email.
 - (b) change the minimum amount for the transaction alerts;
 - (c) disable or choose not to receive any transaction alerts
 - (d) re-enable the transaction alerts.
- Please note that your card may be at risk of fraud without your knowledge if you disable or choose not to receive any transaction alerts.

Daily Purchase and ATM Limit

- Daily Purchase Limit (including online, contactless, MyDebit Cash Out and VISA Cash Out), Contactless Limit, and Daily ATM Cash Withdrawal Limit of your debit card-i are set by default as per followings.

Daily Purchase Limit (including Online, Contactless and MyDebit Cash Out & VISA Cash Out) (RM)		Daily ATM Cash Withdrawal Limit (RM)	
By Default	Option to Increase to	By Default	Option to Increase to
250	10,000	250	5,000

To increase or decrease your Daily Purchase and ATM limit, please visit nearest HSBC Bank/HSBC Amanah branch in Malaysia or contact HSBC Call Centre.

Contactless Purchase

- The maximum default limit contactless purchase is RM250 daily (or its equivalent in foreign currency) and forms part of the Daily Purchase Limit. Once the daily maximum limit of RM250 has reached, the contactless function cannot be used for that day. In such an event, subsequent transactions can only be performed on the debit card-i with PIN authorization. Parent can opt to reduce the transaction limit or turn it off completely by visiting any HSBC Bank/HSBC Amanah branch and/or contacting HSBC Call Centre.

MyDebit Cash Out and VISA Cash Out Transaction

- The default combined maximum cash withdrawal limit for MyDebit Cash Out and VISA Cash Out transaction is RM250 per transaction per day, which forms part of the Daily Purchase Limit. For avoidance of doubt, the MyDebit Cash Out and VISA Cash Out daily limit can be maintained up to RM1,000 when the Daily Purchase Limit is set at RM1,000 and above (capped at a maximum RM500 for each MyDebit Cash Out and VISA Cash Out transaction). Parent can opt to increase or reduce the transaction limit or turn it off completely by visiting any HSBC Bank/HSBC Amanah branch or contacting HSBC Call Centre.

7. What are the Parent's obligations?

It is the Parent's responsibility to safeguard and to take precautions to prevent the loss of your debit card-i and PIN number by educating the Child. The Parent must notify the Bank immediately of any loss or theft of any debit card-i or disclosure (or suspected disclosure) of any PIN or password. The Parent remains liable for all transactions entered into before such notification, whether verbally or in writing to the Bank.

Liability for Unauthorized Transactions

- a) In the situation of a card-present unauthorized transaction requiring PIN verification performed on the debit card-i, Parent shall not be liable for the disputed Card Transaction unless Parent and/or Child have proven to have:
 - (i) acted fraudulently;
 - (ii) delayed in notifying the Bank as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorized use of the debit card-i;
 - (iii) voluntarily disclosed the PIN to another person; or
 - (iv) recorded the PIN on the debit card-i, or on anything kept in close proximity with the debit card-i.
- b) In the situation of a card-present unauthorized transaction requiring signature verification or the use of a contactless card performed on your debit card-i, Parent shall not be liable for the disputed Card Transaction unless you have proven to have:
 - (i) acted fraudulently;
 - (ii) delayed in notifying the Bank as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorized use of the debit card-i;
 - (iii) left the debit card-i or an item the debit card-i unattended, in places visible and accessible to others, except at your residence. However, Parent is expected to exercise due care in safeguarding the debit card-i even at own residence; or
 - (iv) voluntarily allowed another person to use the debit card-i.
- c) To facilitate the Bank investigating into any report of lost, stolen or unauthorized use of debit card-i, the Bank will require the assistance to perform the following:
 - (i) notwithstanding that you may have lodged a verbal report, the Bank will require you to complete a written report, which may include the completion of a questionnaire; and
 - (ii) to provide the Bank with a copy of a police report filed in relation to the loss or theft of the debit card-i.

8. What are the major risks?

The Parent shall promptly notify the Bank after having discovered that the debit card-i is lost or stolen or that an unauthorized transaction had occurred or the PIN may have been compromised, in order for the Bank to block the debit card-i.

9. What if there are changes to the Child or the Parent's details?

It is important for the parent to promptly inform us of any changes in the Child and/or the Parent's address, telephone, mobile phone and/or email address via HSBC Bank/HSBC Amanah branch or HSBC Call Centre so that all communications are sent to the latest address, email address and/or contact number stated in the Bank's records.

10. Where can I get further information?

For further information on debit card-i, please refer to HSBC Amanah website at www.hsbcamanah.com.my or contact HSBC Amanah Call Centre at:

HSBC Amanah Premier Customers	1300 88 9393 (from Malaysia) +603 8321 5208 (from Overseas)
HSBC Amanah Customers	1300 80 2626 (from Malaysia) +603 8321 5200 (from Overseas)

Visit us at your nearest HSBC Bank/HSBC Amanah branch and we will assist you personally.
The information provided in this disclosure sheet is valid as of 21 June 2025.

Issued by HSBC Amanah Malaysia Berhad, Company No. 200801006421 (807705-X)

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kad Debit-i HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA ('kad debit-i'). Pastikan anda turut membaca Terma-terma dan Syarat-syarat Universal yang tertera di laman web HSBC Amanah, www.hsbcamanah.com.my

HSBC Bank Malaysia Berhad

- Kad Debit-i HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA

1. Apakah produk ini?

Dengan permohonan daripada Ibu/bapa, ini adalah kad debit-i VISA yang didayakan PIN dengan transaksi terhad yang diisukan kepada anak pelanggan HSBC Amanah Premier yang berusia di antara 12 hingga 17 tahun. Kad debit-i ini dihubungkan dengan Akaun-i HSBC Amanah Premier Junior Savers ("Akaun-i Junior Savers") dan akan dibatalkan jika:

- Akaun-i Junior Savers yang Ditetapkan telah ditutup;
- Akaun-i HSBC Amanah Premier Ibu/bapa telah ditutup;
- Sebelum anak tersebut mencapai umur 18 tahun, Ibu/bapa boleh menutup Akaun-i Junior Savers tanpa kehadiran anak. Apabila anak tersebut mencapai umur 18 tahun, Ibu/bapa dan anaknya dikehendaki menutup dan mengeluarkan semua wang dalam Akaun-i Junior Savers. Selepas itu, anak tersebut boleh memilih untuk membuka Akaun Premier-i baru dengan Bank atas nama tunggalnya atau nama gabungan dengan Ibu/bapa dengan syarat kriteria kelayakan dipenuhi; dan/atau
- Sekiranya Akaun-i Junior Savers masih belum ditutup apabila anak mencapai umur 24 tahun, Bank mempunyai hak untuk menutup Akaun-i Junior Savers tersebut dan menamatkan kad debit-i. Dalam situasi itu, wang akan dipindahkan ke Akaun Premier-i Ibu/bapa yang dikendalikan dengan Bank dan jika tidak ada akaun aktif sedemikian, wang akan dikemukakan kepada Ibu/bapa sebagai pemegang amanah.

2. Apakah konsep Shariah yang diaplikasi?

Kad Debit-i HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA adalah berasaskan konsep upah (Ujrah) atas perkhidmatan yang disediakan kepada pemegang kad. Kadar yuran (Fi) adalah tetap dan perlu dibayar seperti yang disenaraikan dalam Perkara 5 di bawah.

3. Apakah akses yang diberikan kepada Anak melainkan ditetapkan sebaliknya oleh Ibu/bapa?

- Pengeluaran wang tunai Automated Teller Machines ("ATM") sehingga RM250 (had lalai) setiap hari secara domestik melalui rangkaian ATM HSBC dan MEPS, serta antarabangsa melalui Rangkaian VISA yang tertakluk kepada kadar pertukaran semasa seperti yang ditentukan oleh VISA International, sebagai tambahan kepada yuran dan caj yang dikenakan. Untuk pengeluaran ATM di luar negara, Ibu/bapa mesti memastikan fungsi transaksi luar negara diaktifkan.
- Transaksi Point-of-Sales ("POS") (termasuk pembelian dalam talian) sehingga RM250 setiap hari di peniaga VISA, serta MyDebit.
- Pembayaran tanpa sentuh melalui Visa PayWave/MyDebit untuk membuat pembayaran sehingga RM250 setiap hari dengan hanya satu sentuh.
- Transaksi MyDebit Cash Out and VISA Cash Out sehingga RM250 setiap hari bagi pengeluaran tunai dalam negara di terminal POS peniaga-peniaga yang terlibat semasa membuat pembayaran bagi pembelian.
- E-Penyata Bulanan boleh didapati melalui langganan e-mel atas permintaan dan kebenaran daripada Ibu/bapa.
- Makluman transaksi SMS atas permintaan dan kebenaran daripada Ibu/bapa.

4. Apakah kawalan yang diberikan kepada Ibu/bapa?

- Tetapkan "Had Pembelian Harian", "Had Tanpa Sentuh" dan "Had Pengeluaran Wang Tunai ATM" di mana-mana cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah dan/atau hubungi Pusat Panggilan HSBC.

- Urus niaga CNP ialah urus niaga pembayaran menggunakan kad tanpa kehadiran ahli kad (iaitu tidak bersemuka) di kedai semasa pembayaran dibuat. Urus niaga CNP bukan 3D secure ini termasuk urus niaga dalam talian, arahan tetap, pesanan mel dan pesanan telefon.
- Secara automatik, kad debit-i anda adalah disekat daripada membuat sebarang transaksi CNP bukan 3D secure dan transaksi di luar negara untuk mengurangkan risiko penipuan.
- Fungsi CNP kad debit-i anda telah diaktifkan secara automatik dan kekal untuk pembayaran transaksi berkaitan tol and tiada pilihan untuk menyahaktifan. Apabila Ibu/Bapa/Anak sentuh kad debit di tol, tambang tol akan ditolak daripada akaun Junior Savers-i yang dihubung dengan kad-i anda. Anda hendaklah memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam akaun anda sebelum membuat bayaran tol. Pihak Bank berhak untuk mendebitkan akaun Junior Savers-i secara terus tanpa sebarang notis bagi bayaran tol sekiranya pemegang kad berjaya melalui tol tetapi bayaran tol tidak berjaya dicajkan pada hari yang sama atas sebab akaun Junior Savers-i tidak mempunyai dana yang mencukupi, gangguan system, masalah teknikal dan/atau apa-apa alasan, dan ini akan menyebabkan ketidakselarasan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa transaksi sebenar
- Ibu/bapa boleh mengunjungi mana-mana cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah atau menghubungi Pusat Panggilan HSBC;
 - (a) untuk mengaktifkan transaksi CNP bukan 3D secure yang tidak berkaitan dengan tol; dan/atau
 - (b) mengaktifkan transaksi luar negara; dan/atau
 - (c) kemudian menyahaktifkan sama ada salah satu atau kedua-dua jenis transaksi
- SMS notis transaksi akan dihantar ke nombor telefon bimbit Ibu/bapa untuk setiap transaksi menggunakan kad debit-i. Untuk mengelakkan keraguan, SMS notis transaksi akan dihantar ke nombor telefon bimbit Ibu/bapa yang dikendalikan dengan Bank dan Ibu/bapa boleh memilih sama ada untuk meletakkan nombor telefon bimbitnya sendiri atau anaknya.
- Pemindahan wang dalam talian dan/atau melalui ATM seperti JomPAY, Giro Antara Bank ("IBG"), pemindahan segera, dan DuitNow, adalah dilarang.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Butiran	Kad Debit-i HSBC Amanah Premier Junior Savers VISA
Fi Pengisuan	Dikecualikan
Fi Tahunan	Dikecualikan
Penggantian disebabkan kehilangan/kecurian (dikecualikan jika dibuktikan dengan laporan polis)	Dikecualikan
Pengeluaran Wang Tunai di Rangkaian ATM HSBC di Malaysia	Dikecualikan
Pengeluaran Wang Tunai di Rangkaian HSBC Luar Negara	Dikecualikan
Pengeluaran Wang Tunai di Rangkaian ATM VISA	RM10 bagi setiap transaksi
Pengeluaran Wang Tunai di Rangkaian ATM MEPS	Dikecualikan untuk 3 transaksi pertama setiap bulan. RM1 bagi setiap transaksi yang berikutnya.

Penukaran untuk Transaksi di Terminal Pembayaran Luar Negara	<u>Visa</u> Transaksi yang dilakukan dalam mata wang selain MYR akan ditukar kepada MYR berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa International pada tarikh penukaran, ditambah dengan yuran penukaran mata wang asing sebanyak 1% serta sebarang yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa International. Transaksi akan ditolak jika baki kredit MYR tidak mencukupi.
<u>MyDebit</u>	Transaksi yang dilakukan dalam mata wang selain MYR akan diselesaikan dalam MYR dan tertakluk kepada penukaran berdasarkan kadar pertukaran semasa yang ditentukan oleh PayNet pada tarikh penukaran. Tiada yuran tambahan akan dikenakan oleh PayNet. Jumlah transaksi akan didebit terus daripada akaun MYR pelanggan. Transaksi akan ditolak jika baki kredit MYR tidak mencukupi.
Fi Cetakan Semula Draf Jualan (Dikecualikan dari caj jika berjaya)	RM20
Fi Transaksi MyDebit Cash Out	RM0.50 bagi setiap transaksi
Fi Transaksi VISA Cash Out	RM1.50 bagi setiap transaksi

Yuran operator ATM mungkin akan dikenakan di ATM HSBC dan bukan ATM HSBC.

Fi-fi dan caj-caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan, jika ada.

6. Apakah terma dan syarat utama?

Kebenaran Kad

- Sesetengah peniaga (biasanya kereta sewa atau hotel — hotel) boleh memeriksa sama ada terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun-i Junior Savers dengan menghantar permohonan kebenaran kepada Bank. Setelah diluluskan, sebahagian daripada dana dalam akaun Akaun-i Junior Savers mungkin akan dipegang sementara caj-caj dikenakan dengan menggunakan kad debit-i anda sehingga transaksi diselesaikan untuk penjadualan bayaran akhir.
- Untuk transaksi-transaksi, Dispenser Bahan Api Automatik ("AFD") bagi pembelian petrol, pra-kebenaran akan dikenakan ke atas kad debit-i anda seperti berikut:
 - Bagi transaksi yang dilakukan di dalam negara, jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 akan ditahan dan dikenakan kepada Akaun-i Junior Savers apabila anda menggunakan Debit Kad-i anda melalui AFDs. Jumlah pra-kebenaran tersebut akan dilepaskan dan jumlah sebenar transaksi akan didebitkan daripada Akaun-i Junior Savers dalam tempoh 3 hari bekerja selepas tarikh transaksi. Sekatan akan dikekalkan selama T+3 hari bekerja di mana "T" adalah hari transaksi dilakukan.
 - Bagi transaksi yang dilakukan di luar negara, jumlah transaksi sebenar akan ditukar kepada MYR dan didebitkan daripada Akaun-i Junior Savers dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tarikh transaksi. Sekatan akan dikekalkan selama T+14 hari bekerja di mana "T" adalah hari transaksi dilakukan.

Notifikasi Transaksi

- Secara automatik, notifikasi transaksi akan dihantar melalui SMS ke nombor telefon bimbit yang berada di dalam rekod Bank bagi setiap transaksi pembelian yang dibuat menggunakan kad debit-i (amaun minimum yang ditetapkan secara automatik ialah RM0.01) dan pengeluaran wang tunai (terpakai untuk nombor telefon bimbit yang berdaftar di Malaysia sahaja) melalui ATM di luar negara.
- Ibu/bapa boleh melakukan mana-mana aktiviti berikut dengan mengunjungi cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah atau menghubungi Pusat Panggilan HSBC untuk:
 - a. memilih saluran pilihan anda untuk menerima notifikasi transaksi melalui;
 - (i) SMS; atau
 - (ii) Emel; atau
 - (iii) kedua-dua SMS dan Emel.
 - b. menukar amaun minimum bagi notifikasi transaksi;
 - c. menyahaktif atau memilih untuk tidak menerima sebarang notifikasi transaksi;
 - d. mengaktifkan semula transaksi notifikasi.

- Sila maklum bahawa kad anda mungkin akan terdedah kepada risiko penipuan tanpa pengetahuan anda sekiranya anda menyahaktifkan atau memilih untuk tidak menerima sebarang notifikasi transaksi.

Had Pembelian dan ATM Harian

- Had Harian bagi Pembelian (termasuk dalam talian, tanpa sentuh, MyDebit Cash Out dan VISA Cash Out), Pembelian Harian, dan Pengeluaran Wang Tunai di ATM bagi kad debit-i anda adalah ditetapkan secara automatik seperti berikut.

Had Harian Pembelian (Dalam Talian, Tanpa Sentuh, MyDebit Cash Out & VISA Cash Out) (RM)		Had Harian Pengeluaran Tunai di ATM (RM)	
Secara Automatik	Pilihan Penambahan	Secara Automatik	Pilihan Penambahan
250	10,000	250	5,000

Untuk meningkatkan atau mengurangkan Had Pembelian Harian dan ATM, sila kunjungi cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah yang berdekatan dengan anda di Malaysia atau hubungi Pusat Panggilan HSBC.

Transaksi Tanpa Sentuh

- Had maksimum untuk pembelian tanpa sentuh adalah RM250 (atau yang bersamaan dengan matawang asing) setiap hari dan merupakan sebahagian daripada Had Pembelian Harian. Apabila had maksimum harian sebanyak RM250 telah dicapai, fungsi transaksi tanpa sentuh tidak dapat digunakan lagi untuk hari tersebut. Justeru, transaksi berikutnya hanya boleh dilakukan melalui kad debit-i berserta PIN. Ibu/bapa boleh memilih untuk mengurangkan had transaksi atau menyahaktifkan terus fungsi transaksi tanpa sentuh dengan mengunjungi mana-mana cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah dan/atau menghubungi Pusat Panggilan HSBC.

Transaksi MyDebit Cash Out dan VISA Cash Out

- Gabungan Had transaksi maksima pengeluaran tunai yang ditetapkan bagi MyDebit Cash Out dan VISA Cash Out ialah RM250 setiap transaksi setiap hari dan menjadi sebahagian daripada Had Pembelian Harian. Untuk mengelakkan keraguan, had transaksi MyDebit Cash Out dan VISA Cash Out boleh dinaikkan sehingga RM1,000 apabila Had Pembelian Harian ditetapkan pada RM1,000 dan ke atas (dihadkan pada jumlah maksima RM500 bagi setiap transaksi MyDebit Cash Out dan VISA Cash Out masing-masing). Ibu/bapa boleh memilih untuk menaikkan atau mengurangkan had transaksi atau menyahaktifkan secara sepenuhnya dengan mengunjungi mana-mana cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah atau hubungi Pusat Panggilan HSBC.

7. Apakah tanggungjawab Ibu/bapa?

- Ibu/bapa bertanggungjawab untuk melindungi dan mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan kad debit-i dan PIN dengan mendidik anak. Ibu/bapa mesti memaklumkan Bank dengan segera mengenai sebarang kehilangan atau kecurian kad debit-i atau apabila sebarang PIN atau kata laluan telah terdedah (atau disyaki terdedah) kepada pihak lain. Ibu/bapa kekal bertanggungjawab untuk transaksi yang dilakukan sebelum dimaklumkan kepada Bank, sama ada secara lisan atau bertulis.

- Liabiliti bagi Transaksi Tanpa Kebenaran

- a) Dalam keadaan transaksi tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan PIN ke atas kad debit-i, Ibu/bapa tidak akan bertanggungjawab terhadap, Transaksi Kad yang dipertikaikan melainkan anda terbukti telah:
 - (i) bertindak secara menipu;
 - (ii) berlengah untuk memaklumkan Bank dengan secepat yang mungkin semunasabah selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit-i;
 - (iii) mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela; atau
 - (iv) merekodkan PIN pada kad debit-i, atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran kad debit-i tersebut.

- b) Dalam keadaan transaksi tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh ke atas kad debit-i, Ibu/bapa tidak akan bertanggungjawab ke atas Transaksi Kad yang dipertikaikan melainkan Ibu/bapa atau Anak dibuktikan telah:
- (i) bertindak secara menipu;
 - (ii) berlengah dalam memaklumkan Bank dengan secepat yang mungkin semunasabah selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit-i;
 - (iii) meninggalkan kad debit-i atau barang yang mengandungi kad debit-i tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat dan dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman anda. Walau bagaimanapun, Ibu/bapa dikehendaki menjaga kad debit-i dengan sewajarnya walaupun di tempat kediaman anda sendiri; atau
 - (iv) secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan kad debit-i tersebut.
- c) Untuk memudahkan Bank di dalam siasatan ke atas apa-apa laporan tentang kehilangan, kecurian atau penggunaan kad debit-i tanpa kebenaran, Bank akan memerlukan bantuan untuk melakukan yang berikut:
- (i) Walaupun Ibu/bapa mungkin telah membuat laporan secara lisan, pihak Bank akan memerlukan Ibu/bapa untuk melengkapkan satu laporan bertulis, yang mungkin termasuk melengkapkan satu senarai soalan; dan
 - (ii) Untuk memberikan pihak Bank satu salinan laporan polis yang difailkan berkenaan dengan kehilangan atau kecurian kad debit-i tersebut.

8. Apakah risiko utama?

Ibu/bapa hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera setelah mendapati kehilangan, kecurian kad debit-i, atau transaksi tanpa kebenaran telah dilakukan, supaya pihak Bank dapat menyekat penggunaan kad debit-i tersebut dengan serta-merta.

9. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan maklumat peribadi Anak atau Ibu/bapa?

Adalah penting bagi Ibu/bapa untuk memaklumkan pihak Bank dengan segera mengenai sebarang perubahan alamat anak dan/atau Ibu/bapa, telefon, telefon bimbit dan/atau alamat e-mel melalui cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah atau hubungi Pusat Panggilan HSBC supaya semua bentuk komunikasi dapat dihantar ke alamat terkini, alamat e-mel dan/atau nombor hubungan yang dinyatakan dalam rekod Bank.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut mengenai kad debit-i, sila layari laman wed HSBC Amanah di www.hsbcamanah.com.my atau hubungi Pusat Panggilan HSBC di:

Pelanggan HSBC Amanah Premier	1300 88 9393 (dari Malaysia) +603 8321 5208 (dari Luar Negara)
Pelanggan HSBC Amanah	1300 80 2626 (dari Malaysia) +603 8321 5200 (dari Luar Negara)

Kunjungi kami di cawangan HSBC Bank/HSBC Amanah yang berdekatan dengan anda dan kami sedia membantu.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah bermula pada 21 Jun 2025

Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad, No. Syarikat 200801006421 (807705-X)